


BOOK/ARTICLE REVIEW

BIOGRAFI TUN ABDUL RAZAK: NEGARAWAN DAN PATRIOT



Pengarang: Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh dan Abd. Ghapa Harun

Buku: Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot (Penerbit UKM, 2011)

Pengulas: Mohamad Rodzi Abd. Razak, Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mengkaji dan menghasilkan penulisan biografi seorang tokoh ternama bukanlah sesuatu yang mudah. Terlalu banyak aspek yang boleh dan perlu diteliti bagi memperlihatkan ketokohan dan karisma kepimpinan seseorang. Namun Nik Anuar Nik Mahmud (Allahyarham), Muhammad Haji Salleh dan Abd. Ghapa Harun membuktikan bahawa ia bukanlah sesuatu yang mustahil untuk disempurnakan. Gabungan tiga sarjana yang berpengalaman luas ini akhirnya berjaya menghasilkan buku *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot* yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011. Buku setebal 413 halaman ini memuatkan nukilan dan pendedahan yang penuh makna mengenai ketokohan dan kepimpinan Perdana Menteri Malaysia kedua dari pelbagai perspektif sumbangan khususnya pembinaan negara bangsa, hubungan luar dan pembangunan ekonomi nasional.

Buku ini dibahagikan kepada empat bahagian utama dengan keseluruhan perbincangan meliputi 26 bab. Setiap bahagian dicirikan oleh tema-tema tertentu berasaskan kronologi sebagaimana kelaziman penulisan sejarah berbentuk biografi. Bahagian 1 : Zaman Remaja, Bahagian 2 : Zaman Kebangkitan, Bahagian 3 : Zaman Mencabar dan Bahagian 4 : Zaman Era Baru. Dalam Bahagian Satu yang mengandungi 7 bab termasuk Pendahuluan, pengarang memberi tumpuan khusus kepada latar peribadi Tun Abdul Razak sejak kelahirannya sehingga permulaan kerjaya beliau sebagai kakitangan awam kerajaan. Dalam Bahagian ini, pengarang memperlihatkan suka duka kehidupan Tun Abdul Razak sejak kecil terutamanya pengalaman menempuh alam pendidikan sejak sekolah rendah hingga ke pengajian peringkat ijazah. Walaupun dilahir dan dibesarkan dalam kelompok golongan bangsawan namun Tun Abdul Razak memperlihatkan ciri-ciri pemimpin berjiwa rakyat sejak zaman kanak-kanaknya hasil proses sosialisasi bersama masyarakat bawahan. Pengalaman tersebut mendorong penglibatan beliau dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan tanahair sejurus berlakunya pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dalam mempersepsikan semangat tersebut, pengarang berjaya menonjolkan peranan Tun Abdul Razak melalui penyertaan beliau dalam pasukan Wataniah sebagai aspirasi kepada gerakan anti-Jepun. Kesedaran terhadap masa depan bangsa kemudiannya diperlihatkan melalui penglibatan Tun Abdul Razak dalam UMNO sebagai landasan utama menentang rancangan Malayan Union yang diperkenalkan oleh British. Semangat Tun Abdul Razak untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mendorong beliau melanjutkan pelajaran di Lincoln's Inn, London pada tahun 1947 sehingga lulus dalam bidang undang-undang tiga tahun berikutnya. Kelulusan

tersebut membolehkan beliau diterima sebagai anggota perkhidmatan awam di Pahang termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1952 dengan kemuncaknya sebagai Pemangku Menteri Besar Pahang pada tahun 1955. Berdasarkan pengalaman zaman kanak-kanak dan latar sosial sewaktu melanjutkan pelajaran, Tun Abdul Razak memperlihatkan karisma sebagai pemimpin dan negarawan melalui dasar dan program yang diterapkan dalam pentadbiran beliau. Justeru, beliau dilabelkan sebagai seorang nasionalis berjiwa rakyat yang meletakkan kepentingan awam di kedudukan paling tinggi.

Empat bab yang terangkum di dalam Bahagian Kedua buku ini pula secara khusus menyerlahkan penglibatan Tun Abdul Razak dalam arus politik nasional. Tun Abdul Razak menjadikan UMNO sebagai pentas perjuangan sehingga beliau dilantik sebagai Ketua Perikatan Pemuda UMNO. Melalui perbincangan dalam bahagian ini juga, pengarang menonjolkan pengaruh Tun Abdul Razak sebagai individu yang bertanggungjawab memujuk Tunku Abdul Rahman untuk memimpin UMNO selepas pengunduran Dato' Onn Jaafar. Kombinasi bersama Tunku Abdul Rahman membolehkan Tun Abdul Razak memainkan peranan mengukuhkan UMNO melalui usaha penyatuan orang-orang Melayu. Kekuatan yang terbina dalam politik Melayu melalui UMNO membolehkan usaha-usaha menggerakkan perjuangan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Pengarang mengangkat Tun Abdul Razak sebagai arkitek yang merencanakan politik permuafakatan antara kaum khususnya melalui kerjasama UMNO-MIC-MIC sebagai persediaan mencapai kemerdekaan. Hasilnya, British akur dengan tuntutan pemimpin tempatan dengan mengadakan Pilihanraya Persektuan Pertama pada tahun 1955. Tun Abdul Razak menang dalam kerusi yang ditandingi beliau dan dilantik sebagai Menteri Pelajaran dengan jasanya ialah melahirkan Laporan Razak yang menjadikan suasana dan corak Tanah Melayu sebagai teras dalam sistem pendidikan negara ini. Bahagian ini turut meneliti peranan Tun Abdul Razak dalam penggubalan perlembagaan Tanah Melayu dan diikuti dengan perbincangan mengenai beberapa peristiwa utama dalam sejarah tanah air termasuk Rundingan Baling bersama Parti Komunis Malaya (PKM), Rombongan ke London, pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Melaka dan kemuncaknya ialah pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Tempoh mencabar kewibawaan Tun Abdul Razak sebagai pemimpin diungkapkan oleh pengarang dalam Bahagian 3 buku ini yang mengandungi 6 bab dengan fokus tertumpu proses pembentukan dan pembangunan negara, beberapa isu dalam dasar luar Malaysia serta peristiwa 13 Mei 1969. Dalam aspek ekonomi, penekanan diberikan terhadap peranan Tun Abdul Razak dalam menggerakkan pembangunan negara khususnya melalui Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Pengarang menampilkan usaha-usaha Tun Abdul Razak untuk menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara penduduk luar bandar dan bandar khususnya orang Melayu. Perkara ini diperlihatkan melalui Rancangan Lima Tahun Tanah Melayu yang menggerakkan pembangunan ekonomi orang Melayu luar bandar melalui penubuhan FELDA serta penyusunan semula MARA. Dari sudut politik, Bahagian ini memperlihatkan proses penubuhan Malaysia dengan Tun Abdul Razak berperanan sebagai arkitek yang menggerakkan penubuhan Malaysia sebagai saluran memperjuangkan kepentingan ekonomi dan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura. Lanjutan dari penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 mencetuskan 3 isu besar yang menggugat integriti negara iaitu konfrontasi Indonesia, permasalahan Singapura dan tuntutan Filipina terhadap Sabah. Sebagai seorang yang pragmatik, ketiga-tiga permasalahan tersebut berjaya diatasi dengan Tun Abdul Razak yang memainkan peranan sebagai orang tengah dalam mempertahankan kedaulatan dan

maruah negara. Melalui pendekatan rundingan, konfrontasi berjaya ditamatkan pada tahun 1966, Singapura dipisahkan pada tahun 1965 manakala tuntutan Filipina ke atas Sabah diatasi melalui melalui proses rundingan tanpa melibatkan kedua-dua negara ke dalam kancang peperangan.

Prelude kepada kemunculan Tun Abdul Razak sebagai pemimpin utama negara dibincangkan oleh pengarang melalui peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Tercetusnya detik hitam dalam sejarah negara itu menyebabkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri digantung dan seterusnya Yang Dipertuan Agong mengisytiharkan Undang-Undang Darurat. Serentak dengan itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk memulihkan keamanan negara dengan Tun Abdul Razak dilantik sebagai Pengarah. Pembentukan MAGERAN membolehkan keamanan negara dipulihkan, pilihanraya umum diadakan semula di samping pindaan perlembagaan yang menghalang isu-isu sensitif dibangkitkan serta mengelakkan penularan anasir subversif yang menggugat keselamatan negara. Kemuncak perbincangan dalam bahagian ini ditandai dengan persaraan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan digantikan oleh Tun Abdul Razak pada 22 September 1971.

Pembinaan sebuah negara bangsa Malaysia yang bersatu melalui pelbagai aspek menjadi tema utama Bahagian 4 buku ini yang mengandungi 9 bab termasuk Penutup. Kesan peristiwa 13 Mei 1969 menjadi asas utama kepada pengarang untuk menilai peranan Tun Abdul Razak menggubal dasar baru ke arah mewujudkan sebuah negara bangsa yang bersatu sejurus beliau menerajui kepimpinan negara. Pengarang mengenengahkan pelaksanaan dasar-dasar utama seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Kebangsaan serta Rukun Negara sebagai ideologi dan teras perpaduan rakyat. Pengarang turut memperlihatkan peranan Tun Abdul Razak dalam menangani kebimbangan orang bukan Melayu ekoran daripada penggubalan beberapa dasar baru yang dianggap pro-Melayu.

Dalam Bahagian ini, pengarang juga menekankan kepada peranan Tun Abdul Razak dalam aspek pendidikan khususnya Dasar Pelajaran Kebangsaan sebagai asas pembentukan negara bangsa. Antara aspek yang ditonjolkan oleh pengarang ialah fungsi Laporan Razak, Laporan Jawatankuasa Rahman Talib serta pengwujudan bahasa kebangsaan sebagai alat pemersatu. Kemuncak kepada usaha-usaha tersebut diperlihatkan oleh pengarang melalui peranan Tun Abdul Razak dalam usaha penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang direalisasikan pada tahun 1970. DEB sebagai teras pembinaan negara dari segi penyusunan semula masyarakat dan menyeimbangkan kedudukan ekonomi rakyat diberikan perhatian khusus oleh pengarang dalam Bab 20 Bahagian ini. Pengarang menonjolkan ketokohan dan peranan Tun Abdul Razak sebagai penggerak pembangunan ekonomi melalui pengenalan dasar tersebut serta pelaksanaannya dalam aspek yang melibatkan dasar awam dan ekonomi. Sebagai pentadbir berpengalaman, Tun Abdul Razak amat menekankan keberkesanan perkhidmatan awam. Peranan beliau dalam melakukan reformasi pentadbiran awam dengan matlamat membina perkhidmatan awam sebagai jentera yang dedikasi, cekap dan bersih diutarakan oleh pengarang dalam Bab 21.

Kedudukan UMNO sebagai parti yang menjadi tulang belakang kerajaan sentiasa mendapat perhatian Tun Abd Razak. Justeru, selepas memimpin UMNO, beliau mengambil tindakan menyusun semula UMNO termasuk meminda perlembagaan UMNO pada tahun 1971 dengan matlamat melicinkan pengurusan dan perjalanan parti sebagaimana yang dibincangkan oleh pengarang dalam Bab 22. Kejayaan Tun Abdul Razak menyatukan parti-parti politik dari pelbagai aliran melalui

pembentukan Barisan nasional pada tahun 1974 merupakan kemuncak kepada politik permufakatan di Malaysia dan perkara ini diperjelaskan oleh pengarang secara khusus dalam Bab 23.

Karisma kepimpinan Tun Abdul Razak tidak terbatas di peringkat nasional. Dalam mempertahankan kepentingan nasional, dasar luar digunakan sebagai alat untuk mencapai matlamat tersebut. Melalui Bab 24, pengarang menyerlahkan perubahan dan paradigma baru dasar luar yang dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak iaitu mempelopori prinsip dasar berkecuali. Jalinan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis khususnya China, Soviet Union dan negara-negara Eropah Timur menjadi teras kepada dasar tersebut sekaligus mengabsahkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang merdeka dan berdaulat di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak.

Dalam usaha merealisasikan matlamat perpaduan rakyat dan negara, pengarang pada tahap akhirnya memaparkan peranan dan usaha Tun Abdul Razak melalui pengukuhan permuafakatan antara parti-parti politik dalam Barisan Nasional bagi menghadapi pilihanraya umum ke 5 pada tahun 1974. Kemenangan besar yang dicapai oleh BN membolehkan Tun Abdul Razak merangka dasar pembangunan baru termasuk Rancangan Buku Hijau bagi menangani masalah akibat kemelesetan ekonomi tanpa mengabaikan aspek-aspek lain terutamanya keselamatan negara. Masalah kesihatan yang dialami oleh Tun Abdul Razak dirungkaikan oleh pengarang hingga ke detik pemergian negarawan ulung ini pada 14 Januari 1976 di kota London yang merupakan satu kehilangan besar bukan sahaja kepada rakyat dan negara Malaysia malah bagi seluruh dunia.

Secara keseluruhannya, pengalaman membaca buku Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot membuatkan kita seolah-olah berada hampir disisi dan sezaman dengan beliau. Buku ini bukan sekadar melengkapi riwayat hidup Tun Abdul Razak malah berupaya mengisi kekosongan karya-karya yang mengkaji ketokohan, peranan dan sumbangan pemimpin negara. Tun Abdul Razak berjaya ditonjolkan oleh pengarang sebagai negarawan yang meninggalkan jasa dan bakti untuk dikenang dan dihargai oleh generasi muda terutamanya dalam sektor pembangunan ekonomi, hubungan luar serta pembinaan negara bangsa di samping legasi sosial yang mapan dan bersatu padu. Dengan kekuatan penggunaan sumber primer sebagai bahan penulisan yang berwibawa, diolah dengan gaya bahasa yang mudah dan menarik serta penyusunan bab yang sistematik dan berstruktur maka buku ini wajar dijadikan rujukan oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.